

07 MAR 2000

Umno-Abdullah

TIADA PAKATAN DALAM PEMILIHAN CALON, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Tiada pakatan antara Umno bahagian Kepala Batas dan bahagian Kubang Pasu untuk mencalonkan nama-nama tertentu untuk pemilihan Umno pada 11 Mei ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Katanya, nama-nama mereka yang akan dicalonkan oleh bahagian Kepala Batas, yang diketuainya, akan terserah kepada kehendak para anggota perwakilan dan beliau percaya mereka tahu membuat pilihan yang bijak.

"Saya tidak ada muafakat dengan Dr Mahathir untuk sama-sama mencalonkan nama-nama yang tertentu, kalau sama itu mungkin kebetulan sahaja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia 2000 di Hotel Pan Pacific di sini.

Abdullah, yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, telah ditanya sama ada bahagiannya akan memilih calon-calon yang sama dengan pilihan Umno Bahagian Kubang Pasu, terutamanya bagi tiga jawatan Naib Presiden parti.

Bahagian Kubang Pasu yang diketuai oleh Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, tidak membuat pencalonan pada dua pemilihan parti itu yang lepas untuk menunjukkan sikap berkecuali terhadap pertandingan merebut jawatan-jawatan dalam parti itu.

Bagaimanapun majlis tertinggi parti itu pada mesyuaratnya semalam memutuskan bahawa semua bahagian harus membuat pencalonan untuk ketiga-tiga kerusi naib presiden dan semua jawatan lain tanpa dikecualikan.

Keputusan itu dicapai berikutan keputusan bahagian Tawau pada persidangan perwakilannya minggu lepas yang hanya menamakan dua orang sebagai calon Naib Presiden. Pencalonan itu bagaimanapun dianggap sah oleh MT pada sisi peraturan parti.

Abdullah berkata, para perwakilan Umno tahu menentukan bagaimana kepentingan parti dapat dipelihara dengan memastikan barisan kepimpinan yang dipilih nanti adalah berwibawa dan boleh memimpin Umno.

Apabila diminta pandangan sama ada pencalonan yang bakal dibuat oleh bahagian Kubang Pasu boleh disalah tafsir oleh para anggota Umno sebagai berpihak, Abdullah berkata:

"Apa yang kita buatpun akan ditafsirkan oleh pelbagai pihak (mengikut apa) yang menyenangkan mereka, itu tak boleh dielak."

"Apa boleh buat, keputusan telah dibuat semalam dan tidak ada bahagian yang diberi pengecualian, semuanya kena buat pencalonan yang lengkap dan kita akan laksanakan keputusan MT."

-- BERNAMA

AFY NMO